



POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

**FINGERPRINT DOOR LOCK WITH SECURITY
SYSTEM**

**EFFA NAJEHAH BINTI MAMAT
(08DPB20F1005)**

JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

1 2022/2023



POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

FINGERPRINT DOOR LOCK WITH SECURITY SYSTEM

**EFFA NAJEHAH BINTI MAMAT
(08DPB20F1005)**

**Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan Awam
sebagai memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Diploma
Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan**

1 2022/2023

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

FINGERPRINT DOOR LOCK WITH SECURITY SYSTEM

1. Saya **EFFA NAJEHAH BINTI MAMAT (NO. KP :020506-06-0448)** adalah pelajar **Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**, yang beralamat di **Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor**, (Selepas ini dirujuk sebagai 'Politeknik tersebut')
2. Kami mengakui bahawa 'Projek tersebut di atas' dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya/reka cipta asli saya tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak lain.
3. Saya bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek 'Projek tersebut' kepada 'Politeknik tersebut' bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan **Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan** kepada saya.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui)
oleh yang tersebut;)

EFFA NAJEHAH BINTI MAMAT)

(No. Kad Pengenalan: 020506-06-0448))



EFFA NAJEHAH BINTI MAMAT

Di hadapan saya, Ts. ZURENA BINTI LEMEN)

(No. Kad Pengenalan : 8xxxxxxx xx xxxx))

Sebagai Penyelia Projek pada tarikh : 2022)



Ts. ZURENA BINTI LEMEN

PENGHARGAAN

Saya bersyukur dapat meksanakan Projek Akhir ‘ *Fingerprint Door Lock With Security System* ’ dengan penuh jayanya.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Rohaza Binti Majid atas budi bicara beliau dalam memberi tunjuk ajar dan sokongan sepanjang masa Final Year Projek ini dijalankan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ts. Zurena Binti Lemen, penyelia projek tahun akhir kumpulan kami yang membimbing kami dari awal sehinggalah akhir.

Khas untuk ibu bapa saya yang tercinta, jutaan terima kasih dirakamkan kerana memberi sokongan moral dan kewangan kepada saya sepanjang masa. Dan saya juga mengucapkan penghargaan kepada rakan-rakan atas kesudian membantu dan memberi segala nasihat. Tidak lupa juga, terima kasih kepada semua responden saya kerana sudi meluangkan masa menjawab soal selidik dan temu bual.

Akhir kata, seikhlas tulus kata terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kerja kursus ini.

ABSTRAK

“FingerPrint Door Lock with Security System” adalah merupakan satu produk yang dihasilkan untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan penghuni rumah serta mencipta teknologi baru yang mempunyai ciri keselamatan. Permasalahan yang sering berlaku iaitu banyak kejadian pecah rumah berlaku apabila penghuni sedang tidur menyebabkan penduduk di kawasan perumahan berasa tidak selamat dan diselubungi perasaan bimbang akan rumah mereka. Maka teretusnya idea kami untuk mencipta produk ini adalah untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan penghuni rumah kediaman. Selain itu, untuk mencipta produk teknologi baru yang mempunyai ciri-ciri keselamatan. Skop kajian merangkumi pintu panel jenis manakala tombol pintu *‘handleset’* dan *‘handlever’* yang digunakan oleh penghuni rumah kediaman. Metodologi ini dilaksanakan dengan mengedarkan soal selidik kepada 30 responden dan juga telah temubual seramai 20 orang kepada isi rumah. Dapatan kajian mendapati secara keseluruhannya lebih 70% penghuni rumah memberikan maklum balas pada tahap baik dalam semua domain yang diukur. Produk ini membantu mencapai objektif yang telah dibincangkan iaitu meningkatkan keselamatan dan keselesaan penghuni rumah kediaman. Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa faktor yang boleh ditambah baik dalam pengukuran hasil pembelajaran tersebut dan diharapkan dapat membantu dalam penambahbaikan produk.

Kata Kunci: Kes kecurian, keselamatan, penghuni rumah, keselesaan, pecah rumah

ABSTRACT

"Fingerprint Door Lock with Security System" is a product produced to improve the safety and comfort of the home occupants and create a new technology that has security features. A problem that often occurs is that many burglaries occur when the occupants are sleeping, causing the residents in the residential area to feel insecure and worried about their homes. So, our idea to create this product was born to improve the safety and comfort of the residents of residential houses. In addition, to create new technological products that have safety features. The scope of the study includes the type of door panel while the door knob handleset and handlever used by residents of residential houses. This methodology is implemented by distributing questionnaires to 30 respondents and has also involved a total of 20 people from households. The findings of the study as a whole more than 70% of the residents of the house gave feedback at a good level in all domains measured. This product helps to achieve the objective that has been discussed, which is to improve the safety and comfort of the residents of residential houses. However, there are still some factors that can be improved in the measurement of learning outcomes and are expected to help in product improvement

Key words: Cases of theft, security, occupants, comfort, burglary

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
1	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	10
	1.2 Pernyataan masalah	12
	1.3 Objektif kajian	15
	1.4 Skop kajian	15
	1.5 Kepentingan kajian	16
	1.6 Takrifan istilah	17
	1.7 Rumusan bab	18
2	KAJIAN LITERATURE/ LAPANGAN	
	2.1 Pendahuluan	19
	2.2 Definisi pintu	20
	2.3 Definisi tombol pintu	33
	2.4 Definisi system keselamatan	42
	2.5 Definisi cap jari	45
	2.6 Rumusan bab	48
3	METODOLOGI	
	3.1 Pengenalan metodologi	49
	3.2 Perancangan projek	50
	3.3 Kaedah pengumpulan data	51
	3.4 Reka bentuk projek	53
	3.5 Cadangan bahan dan kos	56
	3.6 Kaedah kuantitatif	69
	3.7 Rumusan bab	69

4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
	4.1. Pendahuluan	70
	4.2 Analisi dan dapatan daripada soal selidik	70
	4.3 Perbincangan	77
	4.4 Kesimpulan	78
5	KESIMPULAN	
	5.1 pendahuluan	79
	5.2 kesimpulan	79
	5.3 cadangan	80
	5.4 rumusan bab	80

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Salah satu daripada keperluan manusia pada masa kini adalah untuk sentiasa berasa selamat dan dilindungi terutama di kediaman rumah sendiri. Dewasa ini, banyak kejadian jenayah seperti pecah masuk rumah, pencerobohan dan juga kecurian. Kes-kes sedemikian dapat dibaca dari dada-dada akhbar ataupun melalui media massa yang lain seperti televisyen, radio dan juga internet yang sering kali melibatkan kerugian besar. Oleh itu, satu sistem keselamatan perlu ada untuk membantu orang ramai daripada menjadi mangsa penjenayah-penjenayah ini. Seiring berjalannya waktu, teknologi terus berkembang, dan banyak inovasi sedang dikeluarkan di pasaran. Terdapat pelbagai jenis sistem keselamatan yang direka untuk keselamatan kediaman. Pelbagai cara yang digunakan untuk mereka suatu sistem keselamatan dan faktor-faktor tertentu juga perlu diambil kira mengikut peraturan teknologi.

“Fingerprint door lock” merupakan sejenis alat pengunci pintu yang berbasis sidik jari. Melalui pemakaian *“fingerprint door lock”*, pintu dapat dibuka dengan hanya meletakkan salah satu jari kita ke plat pengimbas. Sistem cap jari pada alat tersebut memastikan hanya yang cap jari yang berdaftar boleh masuk ke dalam rumah. Dengan itu, potensi kes kecurian dapat dikurangkan dan dibendung. Jadi projek yang ingin dijalankan adalah penambahbaikan ke atas sistem keselamatan kepada *“fingerprint door lock”* yang sedia ada di pasaran.

Fingerprint door lock yang biasanya tidak mempunyai sistem keselamatan yang ketat dan teliti. Maka kami ingin menggandingkan “fingerprint door lock” dengan beberapa sistem keselamatan yang tinggi. Iaitu dengan adanya aplikasi yang boleh dikawal melalui telefon bimbit, amaran sensor dan juga amaran sms pada produk tersebut berbanding produk sedia ada.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Kajian yang telah di catatkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sebanyak 16,450 kes pecah masuk rumah sepanjang tahun 2021 sehingga sekarang. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Abd. Jalil Hassan berkata, daripada jumlah keseluruhan yang diberkas, sebanyak 3,572 individu merupakan mereka yang tidak bekerja, ini akan menimbulkan permasalahan kerana separuh daripadanya tidak bekerja kerana wabak penularan covid-19 yang menimpa satu dunia, ini telah mengakibatkan mereka terpaksa memecah masuk rumah bagi menyara hidup mereka.



Rajah 1.2.1 Akhbar Pecah Masuk Rumah

Akhbar ini telah dikeluarkan oleh Berita Harian pada Januari 2022

Menurut Abd. Jalil, ketika itu, sebanyak 1,167 kes dicatatkan berbanding tempoh sama sebelum PKPB iaitu 1,063 dengan peningkatan kira-kira 104 kes (9.8 peratus).

“Masyarakat diingatkan untuk sentiasa memastikan rumah berkunci walaupun ketika berada dalam kediaman serta peka dengan persekitaran kejiranan sekiranya terdapat individu yang mencurigakan.



Rajah 1.2.2 Akhbar Pecah Masuk Rumah

Akhbar ini telah dikeluarkan oleh Harian Metro pada Tarikh 19 September 2013.

Kemudian, pendatang Indonesia merupakan rakyat asing yang paling banyak terlibat dalam kes jenayah di negara ini pada tahun lalu dan kebelakangan ini. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Mohd. Bakri Mohd.

KONTINJEN	JENAYAH INDI	
	JAN 2010 - SEPT. 2010	JAN 2011 - SEPT. 2011
KUALA LUMPUR	21,277	18,869
SELANGOR	36,914	33,814
JOHOR	16,145	15,635
PULAU PINANG	9,755	7,354
KEDAH	8,816	8,330
KELANTAN	5,408	4,596
MELAKA	4,014	3,600
NEGERI SEMBILAN	4,948	4,660
PAHANG	4,658	4,577
PERAK	8,343	7,387
TERENGGANU	3,118	2,771
SABAH	2,775	2,127
SARAWAK	5,500	4,774
PERLIS	684	882

Rajah 1.2.3 statistik pecah masuk rumah

1.3 OBJEKTIF PROJEK

Terdapat beberapa objektif yang telah dikenalpasti yang akan membawa kepada pencapaian tujuan projek iaitu:

- 1) Untuk meningkatkan keselamatan dan menjamin keselesaan kepada penghuni rumah.
- 2) Mencipta teknologi baharu yang mempunyai ciri-ciri keselamatan.

1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah tertumpu kepada penghuni rumah kediaman. Penghuni rumah yang biasanya tiada di rumah tidak akan tahu tentang keadaan di rumahnya ataupun semasa penghuni rumah sedang tidur, mereka tidak menyedari jikalau ada orang yang mencuba untuk pecah masuk rumahnya. Oleh itu, tragedi yang tidak diingini seperti kejadian pecah masuk rumah dan kecurian boleh berlaku.

Selain itu, skop kajian iaitu reka bentuk produk *fingerprint door lock* ini adalah sama seperti asal dan juga mengikut piawaian dan perturan-peraturan yang ditetapkan tetapi kami menambahkan beberapa sistem-sistem keselamatan daripada idea kami sendiri untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan kepada penghuni rumah kediaman. Produk ini juga menitikberatkan keselamatan yang sangat tinggi supaya penghuni rumah berada dalam keadaan yang selesa dan tidak perlu berasa susah hati apabila mereka meninggalkan rumah.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat pelbagai kepentingan yang diperoleh daripada kajian. Antaranya, kajian ini memberi impak yang positif kepada penghuni rumah kediaman kerana dengan adanya produk ini keselamatan mereka lebih terjamin. Hal ini terjadi kerana, rumah adalah sangat penting kepada setiap manusia kerana rumah adalah tempat untuk berteduh dan juga untuk memberi keselesaan kepada setiap manusia. Seperti peribahasa “Geruh tidak mencium bau” iaitu bermaksud kecelekaan atau kemalangan datang dengan tidak diberitahu. Justeru itu, dengan adanya produk ini keselamatan dan keselesaan penghuni rumah akan terjamin.

1.6 TAKRIFAN ISTILAH

Fingerprint – istilah “fingerprint” adalah perkataan daripada Bahasa Inggeris. Bagi terjemahan dalam Bahasa Melayu adalah “cap jari”. Satu cap jari dalam erti kata sempitnya adalah kesan yang ditinggalkan oleh rabung geseran jari manusia. Dalam penggunaan yang lebih luas istilah, cap jari adalah jejak kesan dari genting geseran mana-mana bahagian tangan manusia atau primat lain.

Door – istilah “door” adalah perkataan daripada Bahasa Inggeris. Bagi terjemahan dalam Bahasa Melayu adalah “pintu”. Pintu adalah struktur bergerak yang digunakan untuk menghalang, dan membenarkan akses kepada, masuk ke dalam atau di dalam ruang tertutup, seperti bangunan atau kenderaan.

Lock – istilah “lock” adalah perkataan daripada Bahasa Inggeris. Bagi terjemahan dalam Bahasa Melayu ialah “kunci”. Takrif kunci pertama dalam kamus adalah peranti dipasang pada pintu, laci, tudung, dan lain-lain, untuk memastikan ia ditutup dengan rapat dan untuk menghalang akses oleh orang yang tidak dibenarkan.

1.7 RUMUSAN BAB

Kesimpulannya, dengan adanya produk ini, kemalangan yang tidak diinginkan seperti kes pecah rumah yang terjadi kepada penghuni rumah kediaman dapat dikurangkan. Pengkaji berharap dapat mencapai objektif kajian iaitu dengan menghasilkan produk yang dapat meningkatkan keselamatan supaya tragedi seperti kes pecah rumah dapat dikurangkan. Produk ini juga berpotensi dapat dipasarkan kerana di setiap rumah kediaman terdapat pintu sekaligus dapat menjaga keselamatan penghuni rumah daripada mengalami kejadian yang diinginkan dan dapat menjamin keselesaan penghuni rumah kediaman.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Dalam kajian yang akan dilakukan, kaedah literatur digunakan bagi tujuan untuk memastikan projek ini akan berjalan dengan lancar supaya produk ini akan menjadi salah satu projek yang berkualiti tinggi. Selain itu, misi kaedah literatur adalah untuk mencapai objektif dan menyelesaikan masalah yang sering berlaku dikalangan penduduk tempatan.

Dalam bab ini akan membincangkan secara ilmiah pintu kunci cap jari yang mempunyai sistem keselamatan dan juga jenis jenis bahan, amat penting untuk mengetahui definisi dan juga maksud serta jenis bahan supaya mudah difahami dengan lebih mendalam.

Dengan adanya kaedah literatur ini, dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku dan juga bagi mengumpul segala maklumat ataupun data yang dapat diperolehi.

2.2 DEFINISI PINTU

Pintu ialah sebuah objek halangan yang keras dan rata serta seseorang dapat membuka dan menutupnya agar dapat pergi ke bilik atau tempat lain. Pintu dapat ditemui di rumah dan bangunan lain. Pintu juga dapat dijumpai di dalam kenderaan, kurungan, dan perabot seperti almari. Pintu boleh dikunci untuk keselamatan.

Selain itu, setiap rumah ataupun bangunan mempunyai pintu yang berbeza, seperti pintu bahagian dapur, pintu bilik tidur, pintu ruang tamu, pintu pagar, dan juga bahagian pintu tandas. Setiap tempat mempunyai pintu yang berbeza mengikut kesesuaian dan keselesaan sesuatu ruang.

Seterusnya, di setiap tombol pintu mempunyai satu lubang yang berfungsi sebagai pengunci pintu. Ia digunakan apabila seorang penghuni rumah ataupun bangunan ingin mengunci pintu dibahagian luar ataupun dalam. Sesuatu ruang. Ini akan mengekalkan keselamatan seseorang apabila dalam bahaya ataupun mempunyai barang berharga dalam sesuatu bilik yang terpaksa mengunci pintu bilik tersebut.

2.2.1 JENIS-JENIS PINTU

Pintu adalah salah satu komponen yang paling penting dalam sebuah rumah. Selain untuk melindungi rumah, reka bentuk pintu boleh juga menjadi estetika serta karakter bagi ruang maupun bangunan. Bahan binaan kayu ada dua, iaitu berbahan kayu dan bukan kayu. Jenis pintu kayu memang masih banyak dijumpai, tetapi ketersediaannya naik turun karena faktor alam. Oleh sebab itu, banyak bahan lain yang kini semakin mendominasi sebuah rumah, dan tentunya tidak hanya kayu.

Selain sebagai hiasan, ada yang perlu diperhatikan dalam memilih bahan binaan pintu untuk rumah, harus mempertimbangkan bajet, fungsi dan gaya rumah. Ada beberapa jenis pintu yang hanya sesuai untuk pintu depan saja, pintu kamar mandi, atau pintu gudang dan sebagainya. Justeru itu, pengetahuan mengenai fungsi bahan pintu yang dipilih adalah amat penting. Ia juga perlu mempertimbangkan kelebihan dan kekurangan pintu untuk mengetahui lebih jelas apa yang diperlukan dalam pemilihan mahupun pemasangannya.

Menurut carian internet <https://www.rumahkuunik.com/2020/03/jenis-material-pintu.html> . Ada berbagai jenis pintu yang dibincangkan. Berikut jenis pintu berdasarkan bahan binaannya.

2.1.1 Pintu Kayu



Rajah 2.1.1 Pintu Kayu

Kayu adalah bahan binaan yang paling umum digunakan untuk reka bentuk pintu rumah. Pintu kayu ini sesuai untuk segala jenis bangunan. Penggunaan bahan binaan kayu juga tidak pada bahagian lapik, tetapi juga daun pintunya. Dengan kemasan yang baik, pintu kayu boleh menunjukkan sisi semula jadi di rumah anda.

Ada beberapa bahan binaan kayu yang biasanya digunakan untuk membuat pintu, iaitu kayu padu dan kayu olahan. Kayu padu adalah yang paling sering digunakan. Bahan binaan ini merupakan hasil kayu alam yang terus dipotong berdasarkan pemesanan, kemudian dibentuk menjadi beraneka model pintu.

Kayu olahan berbahan dasar kayu padu yang melalui proses peleburan serbuk mahupun proses penyusunan belahan-belahan kayu, kemudian dijadikan bahan jadi dengan ukuran tertentu yang hasilnya dikenali dengan nama “triplek”, “teakwood”, “blockboard” maupun papan MDF.

2.1.2 Pintu Plipit



Rajah 2.1.2 Rajah Pintu Plipit

Pintu plipit (*barn door*) memang jarang diaplikasikan dalam rumah karena tergolong jenis pintu yang tradisional. Meski begitu, bukan berarti pintu ini tidak bermanfaat pada penghuni. Pintu plipit merupakan pintu berangka kayu dengan penutup dari papan kayu yang disusun secara tegak dan kukuh.

Pintu plipit terdiri dari rangka melintang pada bahagian atas, tengah dan bawah. Sedangkan rangka menegak sisi engsel berfungsi sebagai rangka penggantung, dan rangka menegak sisi sebelahnya berfungsi sebagai rangka penutup. Model pintu ini biasanya digunakan pada pintu bilik mandi, gudang, pintu kandang haiwan ternak, pintu belakang dan sebagainya.

2.1.3 Pintu Panel



Rajah 2.1.3 Pintu Panel

Pintu panel terdiri dari beberapa komponen panel kayu seperti MDF, “blockboard”, HDF dan sebagainya. Pintu ini juga banyak digunakan kerana faktor harga mampu milik dan reka bentuk yang fleksibel. Tidak hanya kelihatan serba kayu, dengan reka bentuk rangka, pintu panel juga boleh dikombinasikan dengan bahan binaan kaca.

Kelebihan pintu panel:

- I. Corak yang fleksibel kerana boleh divariasikan.
- II. Panelnya dapat dibuat menjadi kaca.

2.1.4 Pintu ‘Flush’



Rajah 2.1.4 Pintu ‘Flush’

Pintu “flush” terdiri dari kerangka kayu/MDF/*particle board*, yang ditutup dengan *triplek* 3mm, kemudian diberi lapisan seperti veneer/HPL/cat *duco*. Pintu ini cukup ringan kerana memiliki bahagian kosong di tengahnya. Kadang, bahagian tengah diisi dengan kertas *honeycomb* atau gabus.

Pintu “flush” yang memiliki model dan reka bentuk yang unik ini biasanya dipasang di dalam ruangan dengan sedikit penyesuaian kemasan. Pintu ini lebih menitik beratkan fungsi daripada gaya. Sehingga, pintu ini sesuai untuk reka bentuk ruangan yang menonjolkan unsur lain dalam ruang.

2.1.5 Pintu Kaca



Rajah 2.1.5 Pintu Kaca

Pintu kaca sering digunakan sebagai pembatas antara ruang tengah dan bahagian luar. Bahan binaan kaca yang mudah ditembus cahaya ini, membuat pintu kaca sesuai digunakan pada ruangan yang membenarkan sinar matahari atau cahaya semula jadi.

Pintu kaca memiliki kesan pertama yang elegan, moden dan bersih. Pintu kaca yang tembus pandang dan memiliki privasi yang rendah. Namun, ia dapat meneliti dengan menggunakan jenis kaca *sandblast* atau kaca buram.

Pintu kaca *tempered* adalah salah satu pilihan bahan binaan yang paling popular kerana banyak memiliki keunggulan, terutama ketahanan 5 kali lebih daripada pintu kaca biasa. Kaca ini bila pecah, maka butiran pecahannya akan mewujudkan butiran bola yang dapat meminimumkan bahaya bagi penghuni rumah.

2.1.6 Pintu Baja



Rajah 2.1.6 Pintu Baja

Pintu baja (steel door) terbuat dari bahan plat baja yang selama ini dikenali sebagai tahan cuaca, tahan panas dan anti rayap. Baja merupakan bahan binaan yang terbuat dari campuran besi dan karbon, sehingga memiliki tingkat kekuatan yang sangat tinggi. Walaupun banyak orang menganggapnya mahal, pintu baja sangat diminati para pemilik rumah kerana keunggulannya.

Pintu baja memiliki banyak ciri-ciri moden yang tidak dimiliki pintu biasa. Kerangkanya dipasang peredam suara berupa kartun yang dipulas, sebagai penahan agar tidak mudah bunyi. Selain itu pada lapik juga dipasang ketat agar tidak menimbulkan bunyi ketika ditutup.

Kelebihan pintu baja adalah:

- 1) Tahan api dan tahan segala cuaca
- 2) Mempunyai tingkat keselamatan yang tinggi
- 3) Mudah dibersihkan daripada pintu kayu

2.17 Pintu Plat Besi



Rajah 2.1.7 Pintu Plat Besi

Bahan binaan plat besi biasanya digunakan untuk pintu garaj, pintu pabrik, pintu bengkel dan untuk ruangan kedap api. Seperti pintu baja, pintu plat besi juga mempunyai kekuatan cukup tinggi, tahan api dan kuat terhadap benturan. Pintu plat besi jarang digunakan pada rumah dan lebih banyak dipasang pada bangunan-bangunan industri dan pergudangan.

Kelebihan dan kekurangan pintu plat besi:

- 1) Kuat, tahan api, tahan benturan.
- 2) Lemah terhadap air dan kondisi lembab, membuatnya mudah berkarat.
- 3) Semakin tipis ukuran plat, semakin mudah merekah.

2.1.7 Pintu ‘Fiberglass’



2.1.8 Pintu ‘Fiberglass’

Bahan binaan *fiberglass* lebih memiliki banyak keunggulan dibanding bahan binaan kayu dan kaca. Selain daya tahan yang lama, menggunakan reka bentuk pintu berbahan *fiberglass* dapat mencantikkan rumah anda, khususnya kawasan depan rumah. *Fiberglass* boleh dipadukan dengan panel kayu untuk menambah nilai estetikanya. Beberapa diantaranya juga memiliki tekstur seperti kayu.

Pintu rumah minimalis dari *fiberglass* anti pecah dibanding aluminium dan baja. Pintu ini juga boleh dicat seperti pintu kayu untuk menjaga penampilannya. Sayangnya, jika dicat akan mudah luntur karena tidak memiliki pori.

2.1.9 Pintu Pvc



Rajah 2.1.9 Pintu PVC

PVC (*Poly Vinyl Chloride*) adalah bahan plastik yang sering ditemukan pada paip atau tangki air. Pintu berbahan PVC ini paling banyak digunakan sebagai pintu kamar mandi dan kurang cocok jika dijadikan pintu utama rumah. Pintu PVC memang tidak sekukuh pintu kayu atau aluminium, tetapi pintu ini mudah dibersihkan dan mudah dalam perawatannya.

Kelebihan dan kekurangan pintu PVC:

- 1) Beban ringan.
- 2) Corak warna dan motif bagus.
- 3) Anti rayap dan tahan kelembapan.
- 4) Tidak tahan pada cuaca ekstrim.

2.1.10 Pintu Upvc



Rajah 2.1.10 Pintu UPVC

UPVC (*Unplasticized Poly Vinyl Chloride*) adalah PVC yang diperkuat dengan bahan bukan plastik, membuatnya lebih kuat dan kaku. Bahan binaan dengan aplikasi teknologi tinggi ini sangat mudah dibentuk dan mampu tahan terhadap api, air, serta lenturan.


Bahan binaan UPVC sangat jimat tenaga, dari pembuatan, pemakaian, hingga boleh dibuka dengan mudah. Pintu UPVC tersedia dalam ukuran standard pintu rumah dan diperbuat dalam beberapa motif, dari reka bentuk biasa, bermotif hingga gabungan unsur bahan binaan kaca. Bahan binaan pintu ini sesuai digunakan pada bangunan yang tingkat tinggi.

2.2.2 Saiz Pintu

Parameter tipikal pintu dalaman dengan kotak membolehkan sekiranya pecah model atau ketidak konsisten untuk pembaikan baru dengan cepat mengubah reka bentuk. Ia terdiri daripada bahagian tetap - sebuah kotak, dimasukkan ke dalam pintu, dan dilampirkan dengannya dengan gelung kain.

Untuk mengira nilai tetingkap pintu, anda perlu mengetahui parameter kotak: Biasa ialah ketinggian pintu 2100 dan 2400 mm, dan lebar - dalam lingkungan 800-1900 mm.

Model 80-120 cm lebar, sebagai peraturan, adalah daun tunggal. Penunjuk di atas angka ini dimaksudkan untuk artikel bersayap 2 besar. Lebar nya diukur di bahagian atas yang sangat sempit. Ukuran yang dibuat di 3 tempat yang berbeza memberi gambaran yang tepat tentang magnitud parameter ini. Ketinggian jurang pintu adalah sama dengan jurang dari titik terendah lantai ke atas. Untuk ketepatan, ia bernilai mengukur jarak ini dua kali - dari kanan dan kiri. Apa yang akan ketebalan kotak diiktiraf dengan mengukur lebar lereng pada 3 atau lebih mata.



Rajah 2.2.2 Saiz pintu

2.3 DEFINISI TOMBOL PINTU

Door knob atau tombol pintu merupakan bagian yang tak terpisahkan dari pintu itu sendiri. Tombol pintu ini biasanya digunakan untuk membuka pintu dengan cara memutar atau memencetnya. Bentuknya yang bulat dan terbuat dari logam menjadikan tombol pintu ini memiliki ciri yang khas dan mudah dideteksi. Namun, tak semua tombol pintu memiliki ciri tersebut.

Kini, tombol pintu telah hadir dalam berbagai grade dan model yang didesain sesuai kebutuhan masing-masing rumah. Kebanyakan tombol pintu kini telah dilengkapi pengunci otomatis untuk meningkatkan keselamatan. Meski begitu, bentuk tombol pintu yang konvensional masih banyak kita temui, terutama di rumah-rumah bergaya retro.

2.3.1 Saiz Tombol Pintu

Tombol pintu ini fungsinya sebagai gengaman ketika membuka pintu, maka ukurannya sebisa mungkin disesuaikan dengan ukuran gengaman tangan orang dewasa. Ukurannya tak boleh terlalu besar atau terlalu kecil agar lebih nyaman ketika digenggam. Biasanya, tombol pintu ini memiliki diameter antara 2 1/2 sampai 3 1/2 inci.

Tombol pintu *lever-type* dengan pengungkit pada bagiannya biasanya memiliki ukuran yang lebih besar, yakni antara 4 sampai 5. Saat ini bahkan banyak tombol pintu yang didesain lebih besar, yakni dengan diameter mencapai 6 inci. Biasanya tombol pintu sebesar itu digunakan untuk kepentingan industri dan komersial.

2.3.2 Jenis-Jenis Tombol Pintu

Dengan perkembangan teknologi, sekarang kita dapat menggunakan berbagai jenis kunci pintu untuk berbagai keperluan. Beberapa jenis kunci pintu lebih baik digunakan pada pintu yang menuju ke bahagian luar rumah karena memberikan keamanan yang lebih besar agar pencuri tidak masuk.

Sementara jenis kunci pintu lainnya bagus untuk menjaga keamanan pintu rumah, seperti pintu bilik mandi dan pintu almari. Kunci tersebut memberikan keamanan yang cukup untuk melindungi privasi. Beberapa jenis kunci hanya dapat dikunci dari luar pintu, yang lain hanya dapat mengunci dari bahagian dalam pintu, sementara ada juga yang dapat dikunci baik dari luar maupun dari dalam.

Menurut carian internet <https://www.arsitur.com/2019/03/jenis-kunci-pintu-dan-perbedaan.html> . Ada berbagai jenis tombol pintu yang dibincangkan. Berikut jenis tombol berdasarkan kriterianya.

2.3.1 Door ‘Knoblock’



Rajah 2.3.1 Door ‘Knoblock’

Kunci gagang mungkin merupakan jenis kunci yang paling umum yang kita lihat di rumah, terutama di pintu bahagian dalam seperti bilik mandi dan bilik tidur. Kunci jenis ini juga selalu menjadi salah satu jenis kunci yang menghiasi pintu depan rumah.

Kunci *doorknob lock* memiliki mekanisme penguncian di dalam gagang pintunya. Jenis kunci ini memiliki tombol di kedua sisi pintu dan dapat memiliki silinder tunggal atau ganda, tergantung pada apakah ingin pintu dikunci dari dalam atau tidak.

2.3.2 'Handleset'



Rajah 2.3.2 'Handleset'

Kunci pintu ini memiliki pegangan di sisi eksternal dan salah satu bukaan kunci di sisi internal untuk menguncinya. Jenis kunci ini memiliki fitur *deadbolt* untuk keamanan ekstra. Jenis kunci pintu ini untuk tujuan yang sama seperti kunci pintu tetapi dapat memberikan tampilan yang lebih menarik untuk aksesori rumah.

2.3.3 'Handlever'



Rajah 2.3.3 'Handlever'

Hand Lever atau Tuas tangan adalah pilihan yang sangat baik untuk kunci pintu bahagian dalam, seperti almari atau pintu ruang bawah tanah. Jenis ini menampilkan tuas pegangan sederhana di satu sisi dan tombol twist di sisi lain.

Kunci ini tidak memberikan keselesaan sebegini yang lain, jadi jenis ini mungkin bukan pilihan ideal untuk pintu masuk. Tetapi, jenis ini memungkinkan anda membuka pintu dengan cepat dengan satu tangan, yang berguna saat anda membawa bahan makanan atau mencuci pakaian ke rumah.

2.3.4 'Deadbolt Lock'




Rajah 2.3.4 'Deadbolt Lock'

Kunci *deadbolt* adalah mekanisme terpisah dari gagang pintu, yang memberi pintu masuk anda lapisan keamanan tambahan. Banyak pemilik rumah dan bisnis memilih untuk memiliki kunci pintu sekaligus *deadbolt* di pintu masuk mereka untuk mencegah risiko pencurian.

Deadbolt dapat mengurangi risiko masuk secara paksa dengan menciptakan sistem kunci aman yang membuat hampir mustahil bagi seorang pencuri untuk masuk melalui pintu. *Deadbolt* berupa desain silinder tunggal dan ganda, dengan silinder ganda menawarkan perlindungan lebih dari orang-orang yang tidak berhak mendapatkan akses ke rumah.

2.3.5 'Barrel Bolt'



Rajah 2.3.5 'Barrel Bolt'

Barrel boat, juga dikenal sebagai baut geser atau gerendel, dipasang di bahagian dalam pintu untuk membuat kita selesa saat berada di rumah bersama keluarga. Kunci ini memiliki dua bahagian: satu yang terpasang pada lapik pintu dan hujung penguncian utama lainnya yang terpasang pada pintu.

Rakitan utama memiliki kunci silinder yang dapat kita geser ke kait untuk mengunci pintu dari dalam. Beberapa orang memilih untuk memasang 'grendel' satu di bahagian atas pintu dan yang lain di bahagian bawah untuk keamanan yang sempurna.

2.3.6 'Chain Rule'



Rajah 2.3.6 'Chain Rule'

Chain Bolt atau Kunci rantai adalah yang biasa kita lihat di bahagian dalam pintu hotel. Kunci-kunci ini memiliki pengait pada lapik pintu dan unit pengunci utama di pintu, seperti baut per barel, tetapi menggunakan rantai untuk mengunci pintu. kunci rantai adalah untuk memungkinkan kita sedikit membuka pintu untuk menyambut seseorang sambil tetap menjaga pintu tetap tertutup. Seseorang tidak akan dapat masuk sampai kita menutup pintu dan melepaskan rantai, memungkinkan kita untuk membuka pintu sepanjang jalan.

2.3.7 'Cam Lock'



Rajah 2.3.7 'Cam Lock'

Kita biasanya akan menemukan kunci cam di almari, kotak surat, loker, dan kotak deposit bank dengan keamanan rendah. Kunci cam adalah versi sederhana dari kunci lain, memerlukan kunci untuk memutar cam, yang mengunci dan membuka kunci itu. Kunci cam dapat berupa flat atau tubular, dengan kunci dengan bentuk yang sama diperlukan untuk membukanya.

2.4 DEFINISI SISTEM KESELAMATAN

Keselamatan merupakan perihal selamat, kesejahteraan atau keamanan. Keselamatan juga bermaksud keadaan terlindungi daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, pekerjaan, psikologi, pelajaran dan perkara-perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini. Ini juga termasuk dalam konteks terlindung daripada sesuatu malapetaka atau kejadian yang berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi.

Keselamatan boleh dikawal melalui jaminan atau insurans. Ini menjamin sesuatu pertubuhan hanya akan melaksanakan perkara-perkara yang patut dilakukan bagi mendapat keselamatan tersebut. Keselamatan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita. Keselamatan boleh dikategorikan dalam beberapa bidang seperti berikut:

Keselamatan Pengguna - merujuk kepada keselamatan pengguna dalam mendapat sesuatu barangan atau perkhidmatan. Keselamatan pengguna juga termasuk hak-hak pengguna.

Keselamatan Masyarakat - merujuk kepada keselamatan sesuatu masyarakat atau golongan penduduk yang harus dijamin demi kebaikan bersama dalam sesebuah komuniti.

Keselamatan Pekerjaan - merujuk kepada keselamatan para pekerja yang bekerja di dalam sesebuah premis atau syarikat (kecuali tentera dan pelaut) daripada sebarang penyakit pekerjaan atau kemalangan pekerjaan. Persekitaran kerja yang sihat dan selamat membantu pekerja dapat melakukan kerja-kerja dengan betul dan meningkatkan produktiviti.

Keselamatan Negara - merujuk kepada keselamatan negara yang dilindungi melalui kerjasama serantau atau melalui pertahanan sendiri untuk memastikan tidak dimonopoli oleh kuasa-kuasa luar dari segi ekonomi, budaya, dan politik.

Keselamatan sentiasa menjadi kebimbangan yang sangat penting kepada manusia di seluruh dunia. Terima kasih kepada teknologi, cara orang ramai menjaga barang berharga dan rumah mereka telah berkembang menjadi lebih selamat berbanding sebelum ini. Pada masa ini, keselamatan melibatkan rangkaian luas perisian yang merangkumi perkhidmatan keselamatan berasaskan web, biometrik dan peranti peribadi dengan tahap keselamatan.

